



# MENGUASAI GenAI UNTUK PERNIAGAAN



## BUTIRAN PROGRAM

### FAKULTI

David  
Asirvatham

### TARIKH/MASA

13 - 14 Oktober 2026  
9.00AM - 5.00PM

### YURAN <sup>\*</sup>

RM3,200 |  
USD800

Yuran program boleh dituntut sepenuhnya (100%) di bawah skim HRD Corp. Tertakluk kepada terma dan syarat.

### MOD LATIHAN

Secara Bersemuka  
@ Asia School of  
Business

**Nota: \***

- Tidak termasuk Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) 8%.
- Yuran tidak termasuk penginapan di ASB Residential (Kediaman ASB) bagi peserta luar kawasan / luar negara; namun penginapan boleh diuruskan dengan kos tambahan.
- Harga dalam USD adalah harga anggaran sahaja. Semua yuran akan diinvois dalam Ringgit Malaysia (RM). Amaun dalam USD dipaparkan sebagai rujukan sahaja dan tertakluk kepada kadar pertukaran semasa pada tarikh pembayaran.

## Gambaran Keseluruhan Program

Program intensif selama dua hari ini direka untuk merungkai konsep Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence, AI) dan membekalkan kemahiran praktikal yang boleh terus diaplikasikan di tempat kerja moden. Berbeza daripada pendekatan yang menumpukan teori peringkat tinggi, kurikulum program ini memberi fokus kepada penggunaan alatan GenAI, kejuruteraan prom (prompt engineering), dan automasi aliran kerja. Peserta akan bermula daripada pemahaman asas sehingga ke tahap pelaksanaan sebenar, belajar cara meningkatkan tugas harian, memperbaiki kualiti hasil kerja, serta memahami dan menangani isu etika berkaitan AI.

## Hasil Pembelajaran

Pada akhir program ini, peserta akan dapat:

- Menerangkan asas-asas AI serta kesannya terhadap gangguan dan perubahan dalam perniagaan.
- Mengaplikasikan alatan GenAI untuk penjanaan kandungan, analitik data, kerja reka bentuk dan penyelidikan.
- Membina prompt menggunakan rangka kerja yang sesuai bagi menghasilkan output profesional dan berkualiti tinggi.
- Mengautomasi tugas pentadbiran dan operasi yang berulang menggunakan Agen AI.
- Menilai secara kritikal output AI dari segi ketepatan, bias, dan risiko keselamatan.

## Siapa Yang Perlu Hadir

- Pengurus dan ketua jabatan yang ingin menyelia integrasi AI dan meningkatkan kecekapan pasukan.
- Kakitangan Operasi: Kakitangan operasi, profesional pentadbiran, dan penyumbang individu yang ingin mengautomasi tugas manual serta meningkatkan literasi digital mereka.

## Rangka Program

### Hari Pertama: GenAI: Asas dan Produktiviti Perniagaan

#### Sesi 1: Landskap AI

- Definisi AI: Memahami perbezaan antara Pembelajaran Mesin (Machine Learning) vs. Pembelajaran Mendalam (Deep Learning) vs. Generative AI.
- Impak global AI dan trend semasa.
- LLM (Model Bahasa Besar): Bagaimana model seperti GPT-4, Claude, dan Gemini dilatih serta mengapa ia "meramal" perkataan seterusnya.
- Ekosistem Alatan Semasa: Memetakan landskap (Chatbot, Copilot, dan integrasi berasaskan API).
- Model "Human-in-the-Loop": Mengapa AI adalah pembantu (co-pilot), bukan pemandu automatik (auto-pilot), dan kepentingan pengawasan manusia.

#### Sesi 2: Aplikasi AI Dunia Nyata (Praktikal)

- Asas GenAI dan model-model GenAI yang popular.
- Menggunakan GenAI untuk menghasilkan kandungan (Teks, audio, dan video).
- Menggunakan GenAI untuk Analisis Data Besar dan visualisasi.
- Menggunakan GenAI untuk data tidak berstruktur.
- Khidmat pelanggan automatik.
- Analisis Sentimen: Mengukur "mood" ulasan pelanggan atau tinjauan maklum balas dalaman dengan cepat.

#### Sesi 3: Bagaimana Model AI Belajar dan Meramal?

- Pengenalan kepada Rangkaian Neural.
- Konsep asas rangkaian neural.
- Melatih Model AI: Pembelajaran Diselia (Supervised) dan Tidak Diselia (Unsupervised).
- AI vs Pembelajaran Mesin vs Pembelajaran Mendalam.
- AI Sempit (ANI) vs AI Umum (AGI) vs Superintelligence (ASI).
- Aktiviti praktikal untuk melatih model AI mudah.

#### Sesi 4: Projek Mini I

- Peserta akan bekerja dalam kumpulan untuk merangka produk baharu bagi perniagaan mereka.
- Peserta akan menjalankan penyelidikan pasaran, mencadangkan ciri-ciri utama produk, dan mereka bentuk produk tersebut.
- Prototaip produk akan dihasilkan menggunakan GenAI. Mereka juga akan menjalankan tinjauan untuk mengumpul maklum balas pasaran.
- Setiap kumpulan akan membentangkan hasil dapatan mereka.

## Rangka Program

### Hari Kedua: Pembangunan Ejen AI dan Integrasi Aliran Kerja

#### Sesi 1: Kejuruteraan Prom (Prompt Engineering)

- Prom "Zero-shot" vs. "Few-shot": Belajar bila perlu memberi arahan tunggal berbanding memberi contoh untuk membimbing logik AI.
- Kerangka Kerja Main Peranan: Menggunakan kaedah C.R.E.A.T.E. (Character, Request, Examples, Adjustments, Type of Output, Extra Constraints)
- Pengurusan Tetingkap Konteks: Memahami had "memori" sesi AI dan cara mengekalkan fokus perbualan.
- Prom Rantai Pemikiran (Chain-of-Thought): Mengarahkan AI untuk "berfikir langkah demi langkah" bagi meningkatkan penaaakuan dan ketepatan dalam tugas kompleks.

#### Sesi 2: Ejen AI dan Automasi Aliran Kerja

- Membina GPT Tersuai: Mengkonfigurasi "pembantu peribadi" dengan nada suara tertentu dan domain pengetahuan yang khusus.
- Tetapan Arahan: Menulis "Arahan Sistem" yang mengawal tingkah laku ejen tanpa mengira input pengguna.
- Integrasi Pangkalan Pengetahuan: Memuat naik buku panduan syarikat atau manual teknikal untuk menjadikan AI pakar dalam data dalaman.
- Pengujian & Lelaran: Cara "menguji tekanan" (stress-test) ejen tersuai anda untuk memastikan ia tidak memberikan maklumat yang salah atau dilarang.
- Membangunkan penyelesaian aliran kerja mudah untuk mengautomasikan proses perniagaan.

#### Sesi 3: Etika, Keselamatan & Bias

- Privasi Data (PII): Mengenal pasti Maklumat Pengenalan Peribadi dan mengapa ia tidak boleh dimasukkan ke dalam model AI awam.
- Pengesanan Halusinasi: Strategi untuk menyemak fakta hasil output AI (triangulasi dan pengesahan).
- Aliran Kerja Pengesahan: Melaksanakan protokol "Semak-Sahkan-Lulus" sebelum sebarang kandungan AI diterbitkan atau digunakan untuk keputusan.
- Tadbir Urus dan Risiko AI Korporat: Memahami risiko biasa yang berkaitan dengan AI.
- Impak AI terhadap harta intelek dan hak cipta.

#### Sesi 4: Projek Mini II

- Peserta akan mengenal pasti satu proses manual dan berulang dalam organisasi mereka.
- Peserta akan bekerja dalam kumpulan untuk menyelidik masalah tersebut dan mencadangkan penyelesaian tentang bagaimana AI boleh digunakan untuk mengautomasikan proses itu.
- Peserta juga akan membangunkan prototaip penyelesaian AI Berasaskan Ejen (Agentic AI) untuk masalah tersebut.
- Peserta akan mengenal pasti risiko yang berkaitan dengan penyelesaian yang dicadangkan. Setiap kumpulan akan membentangkan Penyelesaian AI mereka.

## Fakulti



**Prof. Ts. Dr. David Asirvatham** merupakan Profesor of Practice di Asia School of Business. Beliau ialah seorang ahli akademik dan pengamal dalam bidang Kecerdasan Buatan (AI) dan Teknologi Maklumat.

Pengalaman beliau merangkumi pelbagai jawatan kepimpinan akademik dan pengurusan teknologi maklumat, antaranya sebagai Dekan Eksekutif Fakulti Inovasi dan Teknologi di Taylor's University; Pengarah dan Ketua Pegawai Teknologi (CTO) Pusat Teknologi Maklumat di Universiti Malaya dan Multimedia University; serta Timbalan Dekan Fakulti Teknologi Maklumat di Multimedia University. Beliau juga pernah berperanan sebagai Pengurus Projek bagi Pembangunan Infrastruktur Teknologi Maklumat Kampus Universiti MMU yang melibatkan pakej IT bernilai USD14 juta. Selain itu, beliau merupakan Ahli Jawatankuasa Kewangan Multimedia University, Penasihat SAP kepada Majlis Pendidikan Tinggi di Jerman, Perunding bagi Projek e-Universiti, serta aktif sebagai penyelidik dalam bidang Kecerdasan Buatan (AI) dan Sains Data.

Prof. Ts. Dr. David memperoleh ijazah Doktor Falsafah (Ph.D.) dari Multimedia University, Ijazah Sarjana Sains (Sistem Digital) dari Brunel University, United Kingdom, serta Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Pendidikan dan Diploma Pascasiswazah dalam Sains Komputer dari Universiti Malaya. Beliau mempunyai pengalaman selama lebih 30 tahun dalam kepimpinan akademik serta peranan sebagai Ketua Pegawai Teknologi (CTO). Bidang kepakaran beliau merangkumi rangkaian neural, kecerdasan buatan, pembangunan dan pelaksanaan strategi teknologi maklumat, serta teknologi e-pembelajaran.

Di peringkat kebangsaan, beliau pernah berkhidmat sebagai Pengerusi Pembangunan Modal Insan ICT bagi Rancangan Malaysia Ke-11 (2016–2020) di bawah Jabatan Perdana Menteri, Setiausaha Persatuan Kecerdasan Buatan Malaysia, Presiden Persatuan Sains Data Malaysia (2022–2024), Wakil Negara bagi Asia E-learning Network (AEN) yang berpangkalan di Jepun, Ahli Jawatankuasa Pemandu bagi Pelaksanaan e-Pembelajaran Sektor Awam Malaysia, serta Ahli Jawatankuasa Pelaksanaan Digital Institut Akauntan Malaysia (MIA) bagi tempoh 2023–2025.

Di peringkat antarabangsa, beliau terlibat dalam pelaksanaan pelbagai projek teknologi maklumat di Afrika Selatan, Sudan, Iran, Ghana, Kenya, Vietnam, Maldives, Bangladesh (Projek Bank Dunia), Emiriah Arab Bersatu, India dan Brunei.

Dalam bidang penyelidikan, beliau telah berjaya memperoleh geran penyelidikan bernilai RM800,000 dan menerbitkan lebih daripada 70 kertas penyelidikan.



### **Asia School of Business (DU046(W))**

Iclif Executive Education Center

ASB Academic, No 11, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur

**Email:** [beep@asb.edu.my](mailto:beep@asb.edu.my) / [ExecEd@asb.edu.my](mailto:ExecEd@asb.edu.my)

[exec.asb.edu.my](http://exec.asb.edu.my)



[asbiclif](https://www.linkedin.com/company/asbiclif)



[@asb.iclif](https://www.instagram.com/asb.iclif)



[asbiclif](https://www.facebook.com/asbiclif)



[asb iclif](http://asb.iclif)

SCAN ME



Menguasai GenAI  
untuk Perniagaan

